

22 NOV 2002

Abdullah-Kesal

ABDULLAH KESAL AS BUAT KENYATAAN NEGATIF MENGENAI MALAYSIA

KEPALA BATAS, 22 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini sekali lagi menyuarakan rasa kesal terhadap Amerika Syarikat (AS) yang terus-menerus mengeluarkan kenyataan negatif yang boleh memberi kesan kepada ekonomi negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata tindakan AS itu seolah-olah tidak mengambil kira bahawa ia mungkin mempengaruhi rakyat negara lain, selain negara Amerika sendiri, yang ingin melabur atau melancong ke negara ini.

"Malaysia kesal dengan tindakan mereka (AS)," kata beliau selepas menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada fakir miskin, anak yatim dan ibu tunggal di kawasan Dewan Undangan Negeri Bertam di sini hari ini.

Katanya, jika ada bukti, Malaysia sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap golongan yang hendak melakukan sesuatu yang di luar undang-undang dan yang bertentangan dengan Perlembagaan negara.

Apa yang dilakukan oleh Malaysia diketahui umum, kata Abdullah sambil menjelaskan bahawa Kementerian Luar perlu mengambil sebarang langkah untuk membuat bantahan.

Selain itu, Abdullah berkata Malaysia tidak bersetuju dengan langkah AS untuk membentuk pakatan antarabangsa menentang Iraq, tanpa kebenaran Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Di KUALA LUMPUR, Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia Tan Sri Lee Lam Thye berkata sangat tidak wajar bagi negara maju tertentu untuk menyatakan Malaysia sebagai tempat yang tidak selamat apabila mereka sendiri tidak dapat membuktikan dakwaan mereka itu.

"Kenyataan yang dibuat oleh AS itu mempunyai implikasi besar dan ia tidak wajar dan tidak perlu sama sekali memandangkan pihak berkuasa Malaysia telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan kepada pelawat asing bahawa Malaysia adalah negara yang selamat," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau mempersoalkan kayu ukur yang digunakan untuk menentukan negara mana yang selamat dan yang mana tidak selamat, kerana pengganas tidak mengenal erti sempadan.

"Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyatakan baru-baru ini bahawa negara yang mempunyai perlindungan yang terbaik sekali pun tidak dapat memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku serangan oleh pengganas. Kita berhadapan dengan musuh yang tidak dapat dilihat," kata Lee.

-- BERNAMA

ZMN AZZ NMO